

# MIXTURE POTASSIUM CITRATE

Potassium citrate (1.5gm/5ml))

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mixt.Potassium Citrate
2. Bagaimana Mixt. Potassium Citrate berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mixt. Potassium Citrate
4. Cara menggunakan Mixt. Potassium Citrate
5. Semasa menggunakan Mixt. Potassium Citrate
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mixt. Potassium Citrate
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Mixt. Potassium Citrate

Ia digunakan untuk menjadikan air kencing beralkali.

## Bagaimana Mixt. Potassium Citrate berfungsi

Potassium citrate bertindak menjadikan air kencing beralkali. Ia biasanya digunakan semasa rawatan jangkitan saluran kencing dan penggunaan ubat yang mengandungi sulphonamides untuk mengelakkan kejadian kristal dalam air kencing.

## Sebelum menggunakan Mixt. Potassium Citrate

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil Mixt. Potassium Citrate jika ada alahan kepada bahan aktif dan tidak aktif yang terkandung dalam Mixt. Potassium Citrate.
- Jangan ambil jika ada penyakit jantung dan buah pinggang.

### - Sebelum menggunakan Mixt. Potassium Citrate

Berhati-hati dalam penggunaan semasa hamil, menyusukan anak, kanak-kanak dan orang tua.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk quinidine (untuk rawatan denyutan jantung yang tak teratur), antasid (untuk gangguan gastrik), *antimuscarinics* (untuk mengurangkan pergerakan usus), susu atau hasil susu (kecuali mentega), *digitalis glycosides* (untuk masalah jantung), *diuretic* (untuk melawaskan air kencing), *potassium sparing* (untuk melawaskan air kencing tanpa kehilangan potassium), ubat yang mengandungi potassium, suplemen garam-galian, pelawas (untuk sembelit), levodopa (untuk Parkinson), methenamine (antibiotik) dan *salicylates* (untuk kesakitan). Juga termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi

dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Mixt. Potassium Citrate

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 10ml tiga kali sehari.  
Kanak-kanak: 5ml tiga kali sehari. Diambil bersama air dengan secukupnya. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Terlebi dos menyebabkan kandungan potassium dalam darah meningkat.

## Semasa menggunakan Mixt. Potassium Citrate

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Mixt. Potassium Citrate. Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi Mixt. Potassium Citrate kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa penggunaan dalam kehamilan dan menyusukan anak.

## Kesan-kesan sampingan

Mixt. Potassium Citrate boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Sila hubungi doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini. Kekeliruan, denyutan jantung luarbiasa, rasa kebas pada tangan, kaki, bibir, kesukaran pernafasan, rasa gelisah, keletihan, kelemahan atau rasa berat pada kaki, kelainan rasa, perubahan mental dan sakit otot mungkin berlaku. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Mixt. Potassium Citrate

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang sejuk dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Sirap tak berwarna dan berperisa lemon.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: potassium citrate.
- Bahan tidak aktif: citric acid, perisa lemon sodium benzoate, sodium saccharin dan air.

### - Nombor MAL

MAL19972539X

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

21/06/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)21062017/00140